

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PLG 423 - Motivasi dan Pemelajaran

Masa : (3 jam)

Jawab soalan No. 1 dan DUA soalan lain.

1. a) Apakah dorongan?

- b) Bagaimanakah anda membezakan proses dorongan dengan proses pemelajaran?
- c) Bincang dan tunjukkan pendirian anda tentang keupayaan dan bakat dalam hubungan dengan usaha untuk mendorong kanak-kanak belajar.

(50 markah)

2. Prinsip-prinsip dorongan boleh digunakan untuk melengkapi guru-guru melaksanakan pengajaran di bilik darjah. Huraikan tiga prinsip dorongan serta cara menggunakan tiap-tiap satunya untuk tujuan pengajaran.

(25 markah)

3. "Produktiviti seseorang guru di sekolah boleh dihuraikan melalui sesuatu teori dorongan tertentu". Bincangkan pernyataan ini dengan menampilkkan satu teori dorongan yang menasabah untuk menjadi alasan perbincangan anda.

(25 markah)

4. Kegiatan dan sumbangan guru-guru di sekolah boleh ditingkatkan menerusi rancangan motivasi yang berteraskan teori dorongan tertentu. Bincangkan satu rancangan motivasi berteraskan teori dorongan tertentu yang boleh diadakan oleh pentadbiran sekolah bagi tujuan ini.

(25 markah)

5. "Huraian psikologi tentang dorongan perlu juga mengambil kira unsur-unsur latar sosio-budaya seseorang". Kemukakan satu perbincangan yang menyokong pernyataan ini bersama-sama dengan contoh-contoh yang menasabah.

(25 markah)